



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN

'Kempen Tanpa Tunai di Sekolah' adalah lanjutan daripada kempen sedia ada yang dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) menawarkan hadiah wang tunai kepada murid dan sekolah berdasarkan pengumpulan mata penyertaan ("Kempen"). Tempoh lanjutan kempen adalah bermula dari 1 Ogos 2023 sehingga 31 Disember 2023 ("Tempoh Lanjutan Kempen") dan dengan ini menjadikan keseluruhan Tempoh Kempen adalah selama lapan (8) bulan. Bagi mengelakkan keraguan, terma dan syarat yang terkandung di sini adalah turut terpakai ke atas kesemua murid dan sekolah yang telah menyertai Kempen ini bermula 1 Mei 2023 hingga 31 Julai 2023 ("Tempoh Asal Kempen"). Tempoh Asal Kempen dan Tempoh Lanjutan Kempen hendaklah selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Tempoh Kempen".

The 'Go Cashless at Schools Campaign' is an extension to the existing campaign that is organised by Bank Simpanan Nasional (BSN) which offers cash prizes to students and schools based on the collection of entry points ("Campaign"). The Campaign's extension period commences from 1 August 2023 until 31 December 2023 ("Extended Campaign Period") and thus, making the overall campaign period eight (8) months. For the avoidance of doubt, the terms and conditions contained herein shall also apply to all students and schools that have participated in the Campaign from 1 May 2023 until 31 July 2023 ("Original Campaign Period"). The Original Campaign Period and the Extended Campaign Period shall hereinafter be collectively referred to as the "Campaign Period".

1. KELAYAKAN / ELIGIBILITY

1.1. Semua Murid dan Sekolah yang memenuhi syarat di bawah adalah layak untuk menyertai Kempen Tanpa Tunai di Sekolah ini ("Murid"):

a) **Kategori Murid:**

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Semua murid Sekolah Menengah di seluruh Malaysia yang berdaftar di bawah BSN Cashless Schools (BCS);
- iii. Murid hendaklah seorang pemegang akaun simpanan BSN di bawah simpanan BSN Smart Junior (BSJ) atau BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar (BSN SGSP). Murid yang tidak mempunyai akaun simpanan hendaklah membuka akaun BSN GIRO / GIRO-i di bawah simpanan Program Insentif BSJ atau BSN SGSP dan tertakluk kepada deposit permulaan minimum dan terma dan syarat bagi akaun simpanan seperti yang ditetapkan oleh pihak BSN;

b) **Kategori Sekolah:**

- i. Sekolah perlu menjadi BSN Cashless Schools (BCS).
- ii. Bagi melayakkan penyertaan, jumlah keseluruhan simpanan bagi semua murid di setiap sekolah haruslah berjumlah minimum RM10,000
- iii. Sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah murid di setiap sekolah membuka akaun (kadar penembusan).

All Students and Schools that meet the following criteria are eligible to participate in BSN Go Cashless at Schools Campaign ("Students"):

a) **Students Category:**

- i. Malaysian Citizen;
- ii. All secondary schools students in Malaysia that have registered under BSN Cashless Schools;
- iii. Participants must be a BSN savings account holder under the BSN Smart Junior (BSJ) or BSN Student Savings Incentive Scheme (BSN SGSP). Participants who do not have a savings account must open a BSN GIRO / GIRO-i account under the BSJ Incentive Program or BSN SGSP scheme and subject to the initial minimum deposit and terms and conditions for the savings account as stipulated by BSN;



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN

- b) *School Category:*
- The schools must be BSN Cashless Schools (BCS).*
 - In order to qualify in the campaign, the total amount of savings for all students in each school must be minimum of RM10,000*
 - At least 50% from the total students at each schools opened an account (penetration rate).*

2. KATEGORI- KATEGORI PENYERTAAN/ PARTICIPATION CATEGORIES

2.1. KATEGORI MURID/ STUDENTS CATEGORY

- a) Murid akan mendapat mata penyertaan berdasarkan langkah-langkah seperti di bawah:
Students will gain entry points based on the steps shown as per below:

No.	Langkah/ Steps	Deskripsi/ Description	Item/ Items	Mata penyertaan/ Entry Points
1	Membuka Akaun Simpanan dengan Kad Debit. <i>Open Savings Account with BSN Debit Card.</i>	Murid baharu perlu ditag di bawah BSJ atau SGSP. <i>New customers need to be tagged under BSJ or SGSP.</i>	Wajib <i>Compulsory</i>	5
2	Pendaftaran baharu dan pengaktifan Perbankan Internet myBSN <i>New registration and activation of Internet Banking myBSN</i>	Murid baharu dan sedia ada <i>New and existing customers.</i>	-	5
3	Murid dikehendaki membuat transaksi pembayaran menggunakan Kad Debit BSN di sekolah mereka (Terhad kepada pembayaran secara tanpa tunai sehingga RM20.00 sehari). <i>Students are required to make transaction by using BSN Debit Card at their schools. (Payment transactions is limited to RM20.00 per day.</i>	Setiap gandaan RM3.00, Murid layak menerima mata penyertaan. <i>For every RM3.00, Students is eligible to receive entry points.</i>	Perbelanjaan harian <i>Daily purchase</i>	5
4	Akaun simpanan <i>Savings Account</i>	Mengekalkan minimum RM100.00 <i>Maintain minimum balance of RM100.00</i>	Setiap bulan <i>Every month</i>	5

Kriteria di atas terpakai bagi kesemua Murid yang menyertai Kempen ini mulai 1 Mei 2023 hingga 31 Disember 2023.

The above criteria will apply to all Students that have taken part in the Campaign from 1 May 2023 to 31



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH
TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN

December 2023.

- b) Seramai 25 Murid dengan mata tertinggi layak untuk menerima hadiah wang tunai tertakluk kepada syarat di bawah:
- Memenuhi semua kriteria dan mematuhi semua langkah yang telah ditetapkan oleh BSN.
 - Jika lebih daripada seorang murid berkongsi mata penyertaan tertinggi, jumlah baki akaun simpanan tertinggi akan diambil kira untuk menentukan Pemenang.

Top 25 Students from each category with the highest points will be eligible for the cash prizes subject to the requirement below:

- Fulfilled all the criteria and complied with all the steps set by BSN.*
- If more than one students share the same amount of entry points, the highest total end balance of the savings account will be taken into account to determine the Winners.*

Kategori <i>Category</i>		Wang Tunai <i>Cash</i>	Pemenang <i>Winners</i>	Ringgit Malaysia/ <i>Ringgit Malaysia</i>
Murid				
Hadiah Utama <i>Grand Prize</i>	2 Murid dengan mata tertinggi / <i>Top 2 students with the highest points</i>	RM1,500	2	3,000
Hadiah Tempat Pertama <i>1st Prize</i>	3 murid dengan mata tertinggi / <i>Top 3 Students with the highest points</i>	RM1,000	3	3,000
Hadiah Tempat Kedua <i>2nd Prize</i>	5 Murid dengan mata tertinggi / <i>Top 5 Students with the highest points</i>	RM800	5	4,000
Hadiah Tempat Ketiga <i>3rd Prize</i>	5 Murid dengan mata tertinggi / <i>Top 5 Students with the highest points</i>	RM 500	5	2,500
Hadiah Sagu Hati <i>Consolation prize</i>	10 Murid dengan mata tertinggi / <i>Top 10 Students with the highest points</i>	RM 300	10	3,000
JUMLAH/ TOTAL				15,500



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH
TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN

2.2. KATEGORI SEKOLAH / SCHOOL CATEGORY

- a) Mata penyertaan yang dikumpul oleh Murid akan digunakan untuk mengira Mata Penyertaan Keseluruhan Tertinggi menentukan pemenang bagi kategori sekolah ("Pemenang") seperti di bawah:

The points accumulated by the Students will be used to calculate the Overall Top Points to determine the winners for schools category ("Winner(s)", as per below:

- b) Cara mendapatkan mata penyertaan dan pengumpulan.

Ways on how to gain and accumulate entry points

No.	Langkah/ Steps	Deskripsi/ Description	Item/ Items	Mata penyertaan/ Entry Points
1	Akaun simpanan <i>Savings Account</i>	Jumlah keseluruhan akaun simpanan bagi semua murid di setiap sekolah haruslah berjumlah minimum RM10,000 <i>Total savings amount for all students at each school must be at least minimum of RM10,000</i>	Wajib <i>Compulsory</i>	-
2	Pengumpulan mata berdasarkan jumlah mata penyertaan yang diperolehi oleh Murid. <i>Accumulated points will be based on the entry points obtained by the Students.</i>	Refer item 3 (B)		
3	Jumlah pembukaan akaun oleh Murid perlu sekurang-kurangnya 50% dari jumlah murid di sekolah berkenaan. (Kadar penembusan) <i>Total savings account opening by the Students should be at least 50% of the total students at each school. (Penetration rate).</i>	Refer item 3 (C)		

Kriteria di atas terpakai bagi kesemua Sekolah yang menyertai Kempen ini sejak 1 Mei 2023 hingga 31 Disember 2023.

The above criteria will apply to all Schools that have taken part in the Campaign from 1 May 2023 to 31



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN

December 2023.

- c) Sebanyak 13 sekolah dengan mata penyertaan tertinggi layak untuk menerima hadiah wang tunai tertakluk kepada syarat di bawah:

Top 13 schools with the highest entry points will be eligible for cash prizes subject to the requirement below:

- i. Memenuhi semua kriteria dan langkah yang telah ditetapkan oleh BSN.
- i. Fulfilled all the criteria and steps which have been set by BSN.*

Kategori /Category		Wang Tunai/ Cash	Pemenang / Winners
Sekolah			
Hadiah Tempat Pertama <i>1st Prize</i>	Mata penyertaan keseluruhan paling tinggi/ <i>Overall top points</i>	RM 5,000	1
Hadiah Tempat Kedua <i>2nd Prize</i>	Mata penyertaan keseluruhan paling tinggi/ <i>Overall top points</i>	RM 4,000	1
Hadiah Tempat Ketiga <i>3rd Prize</i>	Mata penyertaan keseluruhan paling tinggi/ <i>Overall top points</i>	RM 3,000	1
Hadiah Sagu Hati <i>Consolation prize</i>	Mata penyertaan keseluruhan paling tinggi/ <i>Overall top points</i>	RM 1,500	10
JUMLAH/ TOTAL			13

3. PENGIRAAN MARKAH PEMENANG / Calculation of Winners' Marks

- 3.1. Kempen ini bukan sahaja mengambil kira jumlah transaksi pembayaran yang dibuat oleh Murid, malah mengambil kira jumlah semasa dalam akaun simpanan Murid. Pemilihan Pemenang ditentukan berdasarkan sistem kutipan mata penyertaan tertinggi.

This Campaign not only calculate entry points based on the total transaction made by the students, it will also be based on total Students' savings account. The Winner will be chosen based on the overall highest entry points.

A) Jumlah mata individu yang dikumpul bagi kategori Murid / Total individual entry points collected by Student's category.

Item	Kaedah Pengiraan/ Calculation		
Contoh : Pengiraan/Calculation:			
Tarikh/ Date: 1 Mei 2023 Murid membuat perbelanjaan tanpa tunai pada tarikh tersebut / Students make cashless transaction on the date above.	Transaksi/transaction	Jumlah pembelian/Total of purchasing	Mata penyertaan/ Entry points
	Makanan/Food	RM8.50	10
	Alatan Tulis/ Stationary	RM2.00	0
	Buku/Book	RM3.00	5
	Jumlah/ Total		15



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH
TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN

- B) Jumlah mata individu yang dikumpul oleh murid bagi kategori sekolah / Total individual points collected by students for schools category**

Item	Kaedah Pengiraan/ Calculation
Mata penyertaan Murid/ Students entry points (A)	$\frac{\text{Jumlah sebenar mata penyertaan Murid}}{\text{Jumlah Murid yang mempunyai Kad Debit BSN di sekolah}}$ Actual total students entry points Total Students with BSN Debit Card in schools.

- C) Kadar Penembusan Murid/ Students Penetration Rate**

Item	Kaedah Pengiraan/ Calculation	%	Mata/ Points
Kadar Penembusan Penetration Rate	$\frac{\text{Jumlah Murid yang membuka akaun dengan Debit Kad BSN / Total students with BSN Debit Card}}{\text{Jumlah Murid di sekolah/ Total Students in schools}}$	1-25	10
		26-50	20
		51-75	30
		76-100	40

- 3.2. Pemilihan Pemenang akan diadili oleh panel hakim yang terdiri daripada: -

The selection of Winners will be judged by a panel of judges consisting of:

Bil	PANEL HAKIM / Panel of Judges	
	Kategori Murid dan Sekolah / Students and School Category	
1.	Panel Hakim / Panel of Judges	- Jabatan Teknologi Maklumat, BSN / Information Technology Department, BSN - Jabatan Audit Dalaman, BSN / Internal Audit Department, BSN

- 3.3. Pemilihan Pemenang oleh panel hakim adalah muktamad. Sebarang rayuan dan surat-menyerat tidak akan dilayan.

Selections of Winners by the panel of judges are deemed as final. Any further appeal and/or correspondence will not be entertained.

- 3.4. Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon dan/atau surat dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN.

The Winners will be notified by telephone and/or mail and/or any other method(s) deemed suitable by BSN.

- 3.5. Nama semua Pemenang akan diumumkan selepas Tempoh Kempen berakhir.

The name of the Winners will be announced after the Campaign Period ends.

- 3.6. Semua Pemenang dikehendaki mengemukakan salinan kad pengenalan dan dokumen sokongan lain yang disahkan benar sekiranya dikehendaki oleh BSN untuk tujuan pengesahan.

All Winners are required to submit a certified true photocopy of their identification card and other supporting documents as and when required by BSN for verification purposes.

- 3.7. Murid bersetuju bahawa BSN mempunyai hak untuk memilih pemenang lain bagi menggantikan mana-mana Pemenang yang tidak layak atau hilang kelayakan atas apa-



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN

apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Kempen.

The Participant hereby agrees that BSN reserves the right to select any other winner to substitute any selected Winner who is ineligible or disqualified for any other reason whatsoever throughout the Campaign Period.

4. HADIAH / PRIZES

- 4.1. Hadiah bagi Kempen ini adalah dalam bentuk hadiah wang tunai ("Hadiah"). Maklumat terperinci dan terkini berkenaan Hadiah adalah seperti yang dipaparkan dalam Laman Web BSN (www.bsn.com.my) dari semasa ke semasa.

The Prizes for this Campaign is in the form of cash prize ("Prize"). The detail and updated information of the Prize are as published on BSN's Website (www.bsn.com.my) from time to time.

- 4.2. Semua keputusan yang dibuat oleh BSN berkenaan Kempen ini adalah muktamad terikat ke atas semua Murid yang layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat-menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Students, conclusive and undisputable. No further correspondence, appeal and/or attempt to dispute the same will be entertained.

- 4.3. Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan BSN GIRO/-i selepas pengumuman dibuat. Nama Pemenang akan diumumkan melalui surat dan akan dipaparkan dalam Laman Web BSN atau melalui mana-mana kaedah komunikasi yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa.

The Prizes will be credited into the Winner's BSN GIRO/-i savings account after the announcement is made. The Winners' name will be announced through mail and will be published at BSN's Website or any other communication method determined by BSN from time to time.

- 4.4. Sekiranya terdapat majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain yang dianjurkan BSN berkaitan dengannya, pihak BSN akan memaklumkan perkara tersebut kepada Pemenang melalui apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai dan Pemenang hendaklah menghadiri majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain tersebut yang mana sebarang kos sampingan termasuk tetapi tidak terhad kepada kos perjalanan adalah ditanggung oleh Pemenang. Penerimaan Hadiah oleh wakil Pemenang boleh dibenarkan atas budi bicara BSN dan tertakluk kepada penyerahan dokumen sokongan yang ditetapkan oleh BSN.

In the event there is a Prize giving ceremony or any other publicity event organised by BSN in respect thereto, BSN will inform the Winners on the same via any communication that BSN deems suitable and the Winners shall attend the said ceremony or event whereby all the incidental costs including but not limited to traveling cost shall be borne by the Winners. Acceptance of the Prize by the representative of the Winner(s) may be allowed at the discretion of BSN and subject to the submission of the supporting documents as required by BSN.

- 4.5. Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.

All Winners shall abide to this Terms and Condition and the Terms and Conditions attached to the Prizes, if any.

5. HAK BANK / BANK'S RIGHT

- 5.1. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, walaupun selepas segala usaha terbaik BSN dilakukan. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH **TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN**

ditanggung oleh Murid secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN, despite the best efforts of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Participants, directly or indirectly, caused by the changes.

- 5.2. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Murid yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkait dengan Kempen.

BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Participants that is found or suspected of tampering with the Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.

6. LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

- 6.1. Murid adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

Participants shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

- 6.2. Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Kempen ini dan/atau menuntut Hadiah adalah di bawah tanggungjawab penuh Murid / Pemenang melainkan sekiranya dinyatakan sebaliknya.

Any expenses incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize is the sole responsibility of the Participants / Winners unless stated otherwise.

- 6.3. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.

BSN is not responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this Campaign.

- 6.4. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu daripada penyertaan Kempen ini.

BSN does not guarantee or promise any specific results from participating in this Campaign.

7. DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

- 7.1. Dengan menyertai Kempen ini, Murid dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi dan Butiran Penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen, tertakluk kepada Polisi Privasi yang terdapat dalam Laman Web BSN.

By participating in this Campaign, the Participants hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates, to use the Personal Data and Participation Details as provided to BSN for the purposes of this Campaign, subject to the Privacy Policy that is available on BSN's Website.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN

7.2. Murid mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemas kini Data Peribadi; dan
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi; dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.

Participants have the right at any time to:

- a) *Withdraw their consent for the use of Personal Data;*
- b) *Request for any correction/update of Personal Data; and*
- c) *Raise any questions regarding the use of Personal data; by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.*

8. TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

8.1. Dengan menyertai Kempen ini, Murid telah dianggap bersetuju:-

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat Akaun Simpanan dan mana-mana terma dan syarat lain berkaitan yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
- b) Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa bagi memastikan Murid sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

By participating in this Campaign, the Participants are deemed to have agreed:

- a) *To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions of Savings Account and any other relevant terms and conditions that BSN may impose from time to time including any amendment thereto; and*
- b) *To access BSN's Website on a regular basis to ensure that the Students are updated with any changes or variation made to the Terms & Conditions.*

8.2. Murid dan/atau Pemenang juga bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, selaras dengan Polisi Privasi BSN.

The Students and/or Winner(s) also agree and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN in accordance with BSN's Privacy Policy.

8.3. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuai atau sebaliknya dan/atau Hadiah.

In any circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with and/or Prizes.

8.4. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Murid dan/atau Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik,



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN

peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the Participants and/or the Winners resulting, directly or indirectly, from participation in this Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under this Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

- 8.6 Dengan menyertai Kempen ini, Murid dan/atau Pemenang dengan ini memberi kebenaran kepada BSN hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Murid untuk tujuan pengiklanan semasa dan akan datang, tujuan promosi dan pengumuman Pemenang, dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberi kuasa oleh BSN. Murid dan/atau Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.

By participating in this Campaign, the Students and/or the Winners consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Students for current and future advertising, promotional purposes and Winner announcement, in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Students and/or the Winner(s) are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.

- 8.7 BSN berhak untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Program, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Program, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui maklumat dalam Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Murid dan/atau Pemenang. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Murid dan/atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Students and/or the Winners. BSN shall not be held responsible for or accept any liability incurred by the Students and/or Winners, directly or indirectly, caused by the changes.

- 8.8 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen ini yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with this Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined solely by BSN at its discretion.

- 8.9 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang



TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA TUNAI DI SEKOLAH
TERMS AND CONDITIONS GO CASHLESS AT SCHOOLS CAMPAIGN

Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

- 8.10 Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung *Go Cashless at School Campaign* ini, sila layari www.bsn.com.my.

For more information and query relating to the Go Cashless at School Campaign, please visit www.bsn.com.my.

- TERMA DAN SYARAT TAMAT -
- END OF TERMS AND CONDITIONS-